Where you have applied for this Insurance wholly for purposes related to your trade, business or profession, you had a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant otherwise it may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed any Loss.

EXCLUSIONS WHICH APPLY TO THE WHOLE POLICY

This Policy does not cover

1. Radioactive Contamination

Any expense, consequential loss, legal liability or any loss or damage to property directly or indirectly caused by or arising from or contributed to by

- a. ionising radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel
- b. the radioactive, toxic, explosive or other hazardous properties of any explosive nuclear assembly or nuclear component thereof.

2. War Risks

Any consequence of war, invasion, act of foreign enemy, hostilities (whether war be declared or not), civil commotion amounting to a popular rising, civil war rebellion, revolution, insurrection or military or usurped power.

3. Acts of Authorities

Loss or damage occasioned by confiscation commandeering requisition by the Government, any Public Municipal or local Authority or on the order of such Authorities.

4. Sonic Bangs

Loss or damage caused by pressure waves from aircraft or other aerial devices traveling at sonic or supersonic speed.

5. Existing Damage

Any Loss, damage or liability occurring before cover commences.

Note: This policy is written in English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia version the English version shall prevail.

POLISI INSURANS BARANGAN RUMAH

PERJANJIAN KAMI

Terpakai bagi Kontrak Insurans Pengguna

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari **Premium** yang ditentukan dalam **Jadual Polisi** dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh **Anda** pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara **Anda** dan pihak **Kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan **Anda** atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara **Anda** dan pihak **Kami**.

Terpakai bagi Kontrak Insurans Komersial

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari **Premium** yang ditentukan dalam **Jadual Polisi** dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan pihak yang diinsurans (atau semasa pihak yang diinsurans memohon insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak yang diinsurans pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan pihak yang diinsurans (atau semasa pihak yang diinsurans memohon insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang pihak yang diinsurans berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara pihak yang diinsurans dan The Pacific Insurance Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "Syarikat"). Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan pihak yang diinsurans atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh pihak yang diinsurans, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans pihak yang diinsurans, keengganan atau pengurangan gantirugi pihak yang diinsurans, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans pihak yang diinsurans.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara pihak yang diinsurans dan pihak Syarikat.

Ini adalah Polisi Barangan Rumah anda. Sila baca dan sekiranya tidak betul, kembalikannya kepada kami dengan segera untuk pindaan.

Polisi Isi Rumah anda mengandungi Buku Polisi ini, Jadual dan sebarang pengendørsan. Ianya hendaklah dibaca sebagai satu dokumen dan sebarang perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu hendaklah juga mempunyai maksud yang sama di mana ia mungkin dinyatakan.

Cadangan bertulis dan perisytiharan yang diserahkan oleh anda menjadi asas kontrak insurans ini.

Syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Polisi ini atau di dalam mana-mana pengendørsan adalah sebahagian daripada kontrak ini dan mesti dipatuhi sebelum kami membayar tuntutan.

PERSETUJUAN KAMI

Melainkan anda telah membayar premium sepertimana yang dinyatakan di dalam Jadual, kami akan menyediakan perlindungan yang dinyatakan di dalam Polisi ini bagi Tempoh Insurans, tetapi tertakluk kepada terma, had, pengecualian, syarat-syarat, waranti yang menjadi sebahagian daripada Polisi ini.

Sentiasa Memaklumkan Kami

Kami telah menyediakan Polisi ini atas maklumat yang anda berikan mengenai diri, keluarga dan harta anda. Anda mesti memberitahu dengan segera sebarang pertukaran yang mana mungkin mempengaruhi insurans anda, sebagai contoh, sekiranya apa-apa yang berlaku untuk menukar kegunaan, bentuk asal atau amaun harta yang diinsuranskan.

Had Waranti Barangan Niaga

Adalah diwarankan bahawa semasa Tempoh Insurans, tidak dibenarkan bahagian bangunan rumah digunakan bagi pembuatan atau deposit atau tempat simpanan barangan niaga.

MAKSUD PERKATAAN

Anda

'Anda' bermaksud orang atau orang-orang yang dinamakan sebagai Orang Yang Diinsuranskan di dalam Jadual.

Keluarga Anda

Keluarga Anda bermaksud

1. suami/isteri anda
2. anak-anak anda (termasuk anak angkat yang sah)
3. ibubapa anda dan saudara lain yang kesemuanya biasa tinggal bersama anda
4. pembantu rumah tempatan yang digaji oleh anda dan yang biasa tinggal di dalam rumah anda.

Kami

The Pacific Insurance Berhad.

Pengendørsan

Sebarang pindaan yang dibuat pada Polisi ini adalah yang mana telah dipersetujui oleh kami secara bertulis.

Insiden bermaksud kejadian yang menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini.

Tempoh Insurans

Tempoh yang dinyatakan di dalam Jadual dan sebarang tempoh lanjutan yang mana anda telah bayar atau setuju untuk membayar dan kami telah menerima atau bersetuju untuk menerima premium anda.

Jumlah Diinsuranskan

Amaun maksimum yang kami akan bayar jika berlaku tuntutan.

Tapak

Tapak ialah tanah yang berada di alamat risiko beralamat di mana bangunan rumah anda ditempatkan, tetapi tapak tidak termasuk tanah yang digunakan selain daripada tujuan domestik.

Jika bangunan rumah anda adalah unit hak milik strata atau unit yang bersamaan, tapak tidak termasuk sebarang harta awam.

Jika bangunan rumah anda adalah unik hak mili strata atau unit yang bersamaan, tapak tidak termasuk sebarang harta awam.

Tujuan Domestik

Tujuan domestik bermaksud tujuan persendirian atau domestik dan bukan tujuan perniagaan. Kami menganggap

1. rumah pejabat atau
2. menyewakan rumah anda kepada penyewa atas dasar tempat tinggal untuk kegunaan bagi tujuan domestik.

Tidak Didiami

Bangunan rumah tidak didiami oleh anda atau sesiapa ahli keluarga anda atau orang lain dengan kebenaran anda.

DEFINISI 'BARANGAN'

Barangan bermaksud

Segala jenis barangan rumah dan barangan peribadi yang dimiliki oleh anda atau keluarga anda yang menghuni bersama anda, termasuk perabot dan kelengkapan, permaidani sama ada dipasang atau tidak dipasang, motor kanak-kanak atau basikal jalanan, peralatan taman atau kerusi roda bermotor jika ianya bukan kenderaan bermotor yang berdaftar.

Barangan Rumah tidak termasuk

1. mana-mana bahagian dari mana-mana bangunan
2. tanaman atau pokok
3. ternakan, binatang peliharaan, akuatik dan hidupan laut
4. barangan atau stok yang digunakan dalam perniagaan anda
5. data atau maklumat yang dirakam dalam pita rakaman, cakera padat atau lain-lain bentuk elektronik, magnetik atau jenis alat simpanan lain
6. kenderaan bermotor atau motosikal yang dilesenkan untuk kegunaan jalanraya, karavan, treler, pesawat terbang, kapal laut atau bahagian atau aksesori untuk mana-mana tersebut.
7. wang, kad kredit, sekuriti, bon, barangan koleksi, kad telefon dan apa-apa bentuk dokumen wang tunai dan duit syiling, koleksi medal dan setem.

Sila ambil perhatian bahawa kerugian barangan berikut disebabkan secara langsung oleh kecurian disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas dari rumah anda adalah dilindungi oleh Polisi ini.

1. surat ikatan dan dokumen untuk had sebanyak RM2,500.00 bagi mana-mana satu **Insiden**.
2. wang peribadi dihadkan kepada RM500.00 bagi tiap-tiap satu tuntutan atau **Insiden**.
3. koleksi duit syiling, medal dan setem dihadkan kepada RM500.00 bagi tiap-tiap satu tuntutan atau **Insiden**.

DASAR PEMBAYARAN TUNTUTAN

Kami membayar tuntutan untuk kebanyakan barangan rumah atas dasar baru untuk ganti yang lama. Amaun maksimum yang kami akan bayar berkaitan dengan mana-mana satu tuntutan atau **Insiden** adalah jumlah yang diinsuranskan tolak sebarang amaun deduktibel yang akan ditanggung oleh anda.

Sekiranya mana-mana satu barangan rumah yang hilang, rosak atau musnah oleh peril yang diinsuranskan di tapak semasa tempoh insurans, kami akan atas pilihan kami

1. membayar kos yang berpatutan yang ditanggung untuk mengganti atau memperbaiki barangan itu kepada keadaan yang hampir sama seperti ianya masih baru atau
2. mengganti atau memperbaiki barangan itu, atau
3. membayar anda sehingga jumlah yang diinsuranskan atau kos yang berpatutan untuk mengganti atau memperbaiki barangan itu.

Barangan rumah berikut tidak diinsuranskan atas dasar baru untuk ganti yang lama. Kami mungkin mengurangkan bagi susut nilai berdasarkan umur dan keadaan sebelum kami membayar tuntutan anda

1. permaidani dan penutup lantai lain
2. pakaian atau kasut, langsir, barangan linen (tuala, katil dan alas meja)
3. alatan sukan, mainan kanak-kanak dan
4. alatan dan perkakas dapur.

Adalah penting untuk anda menyimpan resit, penilaian, fotograf atau bukti yang seakan sama sebagai pemilik barangan rumah, terutama bagi barangan yang di senaraikan di dalam Jadual.

Purata (Kekurangan Perlindungan Insurans)

Sekiranya pada masa kerugian atau kerosakan jumlah yang diinsuranskan kurang dari jumlah kos untuk menggantikan semua isi kandungan sebagai baru (tolak jumlah yang dibenarkan bagi haus dan lusuh keatas barangan permaidani dan penutup lantai, pakaian, kasut, langsir, barang linen, alatan sukan, mainan kanak-kanak, alatan dan perkakas dapur) melebihi 25%. Kami akan memberi pampasan pada bahagian yang hilang atau rosak itu sahaja yang mana jumlah yang diinsuranskan menampung kos menggantikan semua isi kandungan sebagai baru.

Sebahagian daripada Pasangan

Sekiranya barangan itu sebahagian dari sepasang, set atau koleksi, kami akan membayar tidak lebih daripada nilai sebenar barangan itu. Tiada pengurangan akan diberi untuk sebarang nilai istimewa yang mungkin ada atas barangan tersebut sebagai sebahagian daripada pasangan, set atau koleksi, mahupun untuk sebarang pengurangan nilai bagi sebahagian atau bahagian yang tinggal.

Mengekalkan Jumlah Diinsuranskan Selepas Satu Kerugian

Sekiranya berlaku kerugian, jumlah yang diinsuranskan akan dikembalikan semula secara automatik oleh amaun yang dibayar tetapi anda perlu membayar premium tambahan secara pro-rata yang dikira dari tarikh kerugian hingga tarikh tamat tempoh insurans semasa.

HAD PEMBAYARAN UNTUK BARANGAN RUMAH

Amaun maksimum yang kami akan bayar untuk barangan rumah hendaklah dihadkan kepada

1. RM2,000.00 bagi setiap artikel atau koleksi, set atau pasangan jika barangan itu berbentuk koleksi, set atau pasangan (kecuali

untuk perabot, piano, organ, perkakas rumah, komputer peribadi, radio, set televisyen, set perakam video, alatan Hi-Fi dan yang bersamaan)

Sekiranya perlu perlindungan yang lebih daripada yang disebut di atas, artikel, koleksi, set atau pasangan tersebut boleh diinsuranskan secara khusus sebagai barang berasingan dan menyatakan jumlah yang diinsuranskan bagi setiap barangan itu. Jumlah yang diinsuranskan bagi setiap barangan itu akan menjadi amaun maksimum yang kami akan bayar.

2. Pada keseluruhannya, satu pertiga daripada Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan bagi barangan rumah anda atau RM30,000.00 yang mana lebih rendah bagi semua artikel dari platinum, emas dan perak, barangan kemas, pakaian berbulu dan jam tangan.

APA YANG DILINDUNGI

SEKSYEN 1 — BARANGAN RUMAH ANDA

Kami akan membayar untuk kerugian atau kerosakan Barangan Rumah apabila rumah anda secara langsung disebabkan oleh manamana PERIL berikut:

1. **Kebakaran, Kilat, Petir atau Kebakaran Bawah Tanah**
2. **Letupan**
3. **Pesawat Terbang dan peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya.**
4. **Hentaman disebabkan oleh apa-apa binatang atau kenderaan jalan**
Anda hendaklah membayar RM250.00 yang pertama bagi setiap dan tiap-tiap kerugian atau kerosakan.
5. **Pecah atau limpahan tangki, peralatan atau paip air rumah.**
Tetapi kami tidak akan membayar untuk
 - a. kerugian atau kerosakan yang berlaku ketika rumah anda ditinggalkan tanpa didiami atau tidak dilengkapi
 - b. kerugian atau kerosakan oleh air yang keluar atau kebocoran dari pemasangan pancur air automatik
 - c. satu (1) peratus yang pertama daripada jumlah yang diinsuranskan untuk barangan rumah bagi setiap dan tiap-tiap kerugian atau kerosakan tertakluk kepada minima sebanyak RM100.00
6. **Gempa Bumi dan Letupan Gunung Berapi**
7. **Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut**
Tetapi kami tidak akan membayar untuk
 - a. kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah
 - b. RM200.00 yang pertama bagi setiap dan tiap-taip **Insiden**. Suatu **Insiden** tidak akan dianggap tamat melainkan bebas dari peril berkenaan sehingga tujuh (7) hari berturut-turut.
8. **Banjir**
Tetapi kami tidak akan bayar untuk
 - a. kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah
 - b. satu (1) peratus yang pertama daripada jumlah yang diinsuranskan untuk barangan rumah bagi setiap dan tiap-tiap **Insiden**. Suatu **Insiden** tidak akan dianggap tamat melainkan bebas dari peril berkenaan sehingga tujuh (7) hari berturut-turut.
9. **Rusuhan, Kekecohan Awam yang tidak menghampiri tahap kebangkitan awam, Mogok atau Gangguan Pekerja**
10. **Vandalisma atau Niat Jahat**
11. **Kecurian tetapi jika disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada rumah anda atau**

sebarang percubaan terhadapnya dengan cara paksa dan ganas sebenar.

Kami tidak akan melindungi anda jika rumah anda ditinggalkan tanpa didiami selama lebih daripada 90 hari berturut-turut.

12. Penenggelaman atau Gelinciran Tanah

Kami tidak akan bayar

- a. bagi kerugian atau kerosakan yang disertai oleh atau yang terjadi melalui atau akibat dari
 - hakisan pantai atau sungai
 - perobohan, pengubahsuaian struktur atau pembaikan struktur
 - kecacatan pada reka bentuk atau pembinaan asas yang tidak memadai.
- b. kerugian atau kerosakan ke atas atau yang berpunca dari pergerakan bidur lantai yang kukuh kecuali asas binaan di bawah dinding luaran rumah anda dirosakkan oleh sebab yang sama dan dalam waktu yang sama.
- c. lima (5) peratus yang pertama daripada jumlah yang diinsuranskan untuk barangan rumah bagi setiap dan tiap-tiap kerugian atau kerosakan.

13. Kerosakan akibat pokok tumbang atau dahan atau objek jatuh darinya

Anda hendaklah membayar RM250.00 yang pertama pada setiap dan tiap-tiap tuntutan

14. Kerosakan Akibat Kemalangan tetapi bukan dari peril yang diinsuranskan atau secara khusus dikecualikan oleh Polisi ini

Tetapi kami tidak akan bayar

- a. RM250.00 yang pertama bagi setiap dan tiap-tiap kerugian
- b. bagi kerosakan disebabkan oleh
 - tetamu berbayar atau penyewa
 - binatang peliharaan
 - haus dan lusuh, kerosakan secara perlahan, susutnilai, kerosakan dan pengubahsuaian mekanikal atau elektrik, karat, fungus, rama-rama, serangga atau haiwan perosak, atau sebarang proses pembersihan, mewarna, membaiki atau pengembalian semula
- c. kecacatan pada reka bentuk, pembuatan yang rosak atau kecacatan bahan
 - bagi kos penyenggaraan
 - sekiranya rumah anda ditinggalkan tanpa didiami selama lebih dari 90 hari berturut-turut.

Kehilangan Lain atau Belanja yang boleh Dituntut

1. Arahan Untuk Pindah oleh Penguatkuasa Kerajaan

Sekiranya bangunan rumah anda mendatangkan bahaya kerana akan berlaku kerosakan atau kemusnahan oleh peril yang diinsuranskan dan oleh sebab bahaya tersebut, bangunan rumah anda diisytiharkan kekal sebagai tidak sesuai atau selamat diduduki dan notis untuk pindah telah dikeluarkan atas Arahan oleh mana-mana Penguatkuasa Kerajaan, maka kami akan membayar untuk barangan di dalam bangunan rumah yang mana anda dilarang untuk mengaliangkannya atas Arahan.

Maksimum yang kami akan bayar di bawah perluasan ini akan dihadkan kepada 50% daripada Jumlah Yang Diinsuranskan keatas barangan rumah anda.

2. Pengalihan Debris

Jika anda telah menuntut yang mana ianya dilindungi oleh Polisi ini, kami akan membayar kos pengalihan debris yang anda perlu tanggung semasa menggantikan atau membaiki barangan rumah.

Maksimum kami akan bayar ialah RM2,000.00 bagi manamana satu **Insiden**.

3. Belanja Dari Wang Saku

Kami akan membayar untuk belanja dari wang saku anda yang mana anda telah tanggung jika telah diputuskan oleh penilai berkecuali yang anda tidak boleh menduduki rumah anda.

Kami hanya akan membayar bagi belanja dari wang saku yang mana kami putuskan tanggungan itu munasabah dan memadai selepas anda melaporkan kepada kami tentang kerosakan tersebut.

Belanja dari wang saku anda ialah

- a. kos pengangkutan untuk mengalih dan memindah semula barangan rumah anda
- b. kos tempat simpan sementara barangan rumah.

Perlindungan ini hanya diguna pakai sekiranya anda adalah penghuni tetap rumah anda dan rumah anda mengalami kerugian atau kerosakan disebabkan oleh peril yang diinsuranskan.

Maksimum kami akan bayar ialah RM2,000.00 bagi manamana satu **Insiden**.

4. Membaiki atau Mengganti Pintu atau Tingkap

Kami akan membayar kos yang munasabah yang ditanggung untuk membaiki atau mengganti pintu dan/atau tingkap rumah anda yang mana rosak semasa pecah masuk atau cubaan masuk ke rumah oleh pencuri.

Tetapi kami tidak akan membayar sekiranya rumah anda ditinggalkan tanpa didiami selama lebih sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

Amaun maksimum yang kami akan bayar ialah RM1,000.00 bagi mana-mana satu **Insiden**.

5. Surat ikatan dan Dokumen

Kami akan membayar kos yang perlu ditanggung dalam menggantikan Surat ikatan atau Dokumen atau Manuskrip yang hilang atau musnah oleh pencuri berikutan pecah masuk ke rumah anda.

Tetapi kami tidak akan membayar sekiranya rumah anda ditinggalkan tanpa didiami selama sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

Amaun maksimum yang kami akan bayar ialah RM2,500.00 bagi mana-mana satu **Insiden**.

6. Makanan Beku

Kami akan membayar kos untuk menggantikan makanan yang rosak di dalam kabinet pembekuan atau peti sejuk dalam rumah anda oleh naik atau turun suhu disebabkan oleh kebocoran atau pelepasan kesejukan atau bau atau gas atau kerosakan kabinet pembekuan atau peti sejuk.

Tetapi kami tidak akan membayar untuk sebarang makanan rosak

- a. disebabkan oleh anda atau keluarga anda
- b. disebabkan oleh orang yang berada ditempat anda dengan kebenaran anda atau keluarga anda
- c. disebabkan oleh sama ada tanpa sengaja atau sengaja putusanya bekalan elektik oleh penguatkuasa pembekal elektrik
- d. jika kabinet pembekuan atau peti sejuk anda berumur lebih sepuluh (10) tahun
- e. jika rumah anda ditinggalkan tanpa didiami selama tiga puluh (30) hari berturut-turut.

Anda hendaklah menanggung RM50.00 yang pertama bagi setiap dan tiap-tiap kerugian atau kerosakan.

Maksimum yang kami akan bayar adalah RM500.00 berkenaan mana-mana satu tuntutan atau **Insiden**.

7. Wang Peribadi

Kami akan membayar untuk kerugian wang peribadi, yang dimiliki oleh anda atau keluarga anda, secara langsung disebabkan oleh kecurian yang disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada rumah anda atau sebarang percubaan terhadapnya dengan cara paksa dan ganas sebenar.

Tetapi kami tidak akan membayar sekiranya rumah anda ditinggalkan tanpa didiami selama tiga puluh (30) hari berturut-turut.

Maksimum yang kami akan bayar adalah RM500.00 bagi mana-mana satu tuntutan atau **Insiden**.

8. Koleksi Duit Syiling, Medal dan Setem

Kami akan membayar untuk kerugian Koleksi Duit Syiling, Medal dan Setem, yang dimiliki oleh anda atau keluarga anda, secara langsung disebabkan oleh kecurian yang disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada rumah anda atau sebarang percubaan terhadapnya dengan cara paksa dan ganas sebenar.

Tetapi kami tidak akan membayar sekiranya rumah anda ditinggalkan tanpa didiami selama sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

Maksimum yang kami akan bayar adalah RM500.00 bagi mana-mana satu tuntutan atau **Insiden**.

9. Bayaran Bomba

Kami akan membayar untuk bayaran Bomba yang perlu dan munasabah yang ditanggung oleh anda dalam memadam api di bangunan kediaman atau sambungannya.

Maksimum yang kami akan bayar adalah RM5,000.00 mana-mana satu **Insiden**.

10. Kunci dan Kekunci

Jika kunci dan kekunci luaran pintu luar anda dan peti simpanan dan alat penggera di dalam rumah anda rosak dengan tidak sengaja, kami akan membayar untuk menggantikan mekanisma kekunci atau atas pilihan kami menukar kekunci tersebut.

Kami tidak akan melindungi

- RM50.00 yang pertama dari setiap kerugian atau kerosakan
- kerugian atau kerosakan disebabkan oleh sebarang proses atau pembaikan atau pemulihan
- kos membaiki kerosakan mekanikal atau elektrik

Maksimum yang kami akan membayar berkenaan mana-mana satu tuntutan atau **Insiden** ialah RM500.00.

11. Basikal

Kami akan membayar untuk kerugian atau kerosakan akibat **Insiden** pada basikal (selain dari basikal yang dibantu oleh motor) yang dimiliki oleh anda atau keluarga anda semasa dalam Malaysia.

Kami tidak akan melindungi

- RM50.00 yang pertama dari setiap kerugian atau kerosakan
- kerugian atau kerosakan disebabkan oleh haus dan lusuh, susutnilai, keadaan udara atau cuaca, sebab operasi perlahan, pembaikan atau kerosakan mekanikal
- kerugian atau kerosakan semasa basikal sedang digunakan untuk perlumbaan
- kecurian atau basikal yang ditinggalkan melainkan dikunci dengan selamat atau di dalam bangunan berkunci
- kerugian atau kerosakan pada tayar atau assesori melainkan basikal hilang atau rosak pada masa yang sama
- kerugian atau kerosakan semasa rumah anda ditinggalkan tanpa didiami selama lebih dari sembilan puluh (90) hari

Kami akan membayar kos untuk menggantikan tolak kos haus dan lusuh kecuali untuk basikal yang boleh dibaiki secara ekonomi yang mana kos baik akan dibayar.

Maksimum yang kami akan bayar berkenaan mana-mana satu tuntutan atau **Insiden** untuk setiap satu basikal ialah RM500.00

SEKSYEN II — LIABILITI PENGHUNI

Anda atau sesiapa ahli keluarga anda dilindungi terhadap liabiliti undang-undang untuk membayar ganti rugi atau belanja akibat **Insiden** untuk

- kecederaan badan atau kematian kepada orang lain, dan/atau
- kehilangan atau kerosakan kepada harta benda orang lain

sekiranya liabiliti disebabkan dari **Insiden** semasa tempoh insurans yang dinyatakan di dalam Jadual, dan yang timbul dari bangunan atau tapak kediaman anda.

Had Liabiliti

Untuk sebarang satu **Insiden**, jumlah yang akan kami bayar hendaklah tidak melebihi RM250, 000.00.

Satu **Insiden** termasuk

- beberapa **Insiden** yang timbul dari satu peristiwa, atau
- pendedahan yang berpanjangan atau berulang kepada keadaan yang sama, atau
- peristiwa yang menyebabkan kematian atau kecederaan badan kepada lebih dari seorang.

Kos Perundangan

Sebagai tambahan, kami akan membayar semua kos perundangan dan belanja yang di tanggung oleh kami, atau anda dengan izin kami, yang berkaitan dengan tuntutan. Ini termasuk kos perundangan dan belanja orang yang berhak menuntut semula dari anda.

Liabiliti kami bagi kos perundangan dan belanja tambahan dihadkan kepada RM5,000.00 untuk sebarang satu **Insiden**.

Apa Yang Tidak Dilindungi

Kami tidak akan bayar untuk:

- kematian atau kecederaan anggota badan kepada anda, sesiapa ahli keluarga atau pekerja anda
- kerugian atau kerosakan kepada harta yang dimiliki anda atau ahli keluarga atau pekerja anda, atau yang mana anda atau ahli keluarga atau pekerja anda bertanggungjawab
- kerugian, kerosakan atau kecederaan yang disengajakan disebabkan oleh anda atau ahli keluarga atau wakil anda dengan izin anda atau mereka
- liabiliti yang anda atau keluarga anda telah diandaikan melalui perjanjian atau kontrak melainkan liabiliti telah wujud tanpa perjanjian atau kontrak tersebut
- liabiliti yang timbul dari pemilikan atau menduduki sebarang tanah atau bangunan oleh anda atau bagi pihak anda kecuali rumah anda
- liabiliti yang timbul dari sebarang profesion, pekerjaan, perdagangan atau perniagaan yang dilibat oleh anda atau sesiapa ahli keluargan anda
- liabiliti yang timbul dari pemilikan, kepunyaan atau kegunaan oleh anda atau ahli keluarga atau bagi pihak anda keatas sebarang motosikal, kenderaan bermotor, gerabak berkuda, pesawat terbang, kapal berkuasa air atau binatang (selain daripada binatang domestik) atau senjata api
- liabiliti yang timbul dari menjalankan pengubahan, tambahan, atau pembaikan di atas tapak
- liabiliti yang timbul samada secara langsung atau tidak langsung dari pemindahan penyakit yang berjangkit
- denda atau penalti, atau untuk hukuman, yang memburukkan atau yang dicontohi kerosakannya.

SYARAT-SYARAT TUNTUTAN YANG MANA DIGUNA PAKAI OLEH SELURUH POLISI

1. Pemberitahuan Tuntutan

Apabila anda telah mengetahui ada tuntutan atau berpontensi akan ada tuntutan di bawah Polisi ini anda mestilah memberi notis secepat mungkin.

2. Tuntutan Kerugian atau Kerosakan

Untuk sebarang tuntutan kerugian atau kerosakan, anda hendaklah

- memberitahu Polisi dengan segera atas sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penipuan, kecurian, cubaan mencuri, vandalisma, perbuatan jahat, mogok atau rusuhan awam atau jika sebarang harta yang telah hilang di luar kediaman anda.
- atas perbelanjaan anda menyediakan untuk kami maklumat dan bukti tersebut yang mungkin kami minta termasuk anggaran bertulis dan bukti hak milik atau nilai.

3. Tuntutan Liabiliti

Untuk sebarang tuntutan kerugian atau kerosakan anda hendaklah

- a. menghantar kepada kami sebarang surat, tuntutan, surat dakwa atau saman yang berkaitan dengan tuntutan atau yang berpotensi tuntutan dengan segera bila diterima.
- b. tidak mengaku, menafikan, berunding atau membayar tuntutan tanpa persetujuan bertulis kami.

4. Pembuangan

Kami mungkin memasuki bangunan di mana kerugian atau kerosakan telah berlaku dan menguruskan sisa pembuangan tetapi harta tersebut tidak boleh dilepaskan kepada kami.

5. Menguatkuasakan Hak Anda

Kami mungkin atas perbelanjaan kami dan atas nama anda mengambil langkah yang perlu untuk menguatkuasakan Hak anda terhadap mana-mana orang lain sama ada sebelum atau selepas kami membayar tuntutan.

6. Insurans Lain

Jika terdapat sebarang insurans lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, kami akan hanya membayar sekadar pembahagian kami.

7. Timbang Tara

Dimana tuntutan telah di terima di bawah Polisi ini tetapi tiada persetujuan tentang bayaran yang perlu dibayar, perkara itu boleh dirujuk kepada Penimbang Tara menurut peruntukan undang-undang pada masa itu. Jika ini berlaku, suatu tawaran mestilah dibuat oleh Penimbang Tara sebelum tindakan undang-undang boleh diambil.

8. Had Masa

Kami tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau liabiliti selepas tamat tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari berlakunya kerugian atau kerosakan atau **Insiden** melainkan tuntutan sedang menunggu tindakan atau timbang tara.

SYARAT-SYARAT YANG DIGUNA PAKAI UNTUK SELURUH POLISI

1. Terma dan syarat-syarat Polisi

Anda dan sesiapa orang lain yang berhak kepada faedah di bawah Polisi ini mesti mematuhi dengan terma dan syarat-syarat.

2. Pencegahan Kerugian

- Anda mesti mengambil semua tindakan yang munasabah untuk
- a. mencegah kerugian, kerosakan atau **Insiden**.
 - b. menyelenggara harta yang diinsuranskan dalam keadaan baik dan terjaga.

3. Pindah Milik

Anda tidak dibenarkan memindah milik anda di dalam Polisi ini tanpa persetujuan bertulis kami.

4. Bidang Kuasa

Tiada pampasan bagi kerosakan akan dibayar melainkan keputusan pengadilan telah dihantar oleh atau diterima dari mahkamah yang cekap dalam bidang kuasanya dalam Malaysia untuk penguatkuasaan pengadilan yang diterima di tempat lain. Kami tidak akan membayar kos dan belanja dakwaan yang diambil semula oleh sesiapa orang yang menuntut dari anda yang mana tidak ditanggung dan diambil semula di dalam Mayasia.

5. Pembatalan

Anda boleh membatalkan Polisi ini dengan memberi kami notis bertulis dan, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa tempoh insurans ini, kami akan mengembalikan premium yang telah dibayar bagi tempoh insurans yang belum matang mengikut kiraan kadar tempoh pendek kami.

6. KLAUSA MENGENAI KEWAJIPAN

A. Kontrak Insurans Pengguna

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan anda, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang

cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Insurans Komersial

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu yang akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurance anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurance ini) tidak tepat atau telah berubah.

PENGECUALIAN YANG MANA DIGUNA PAKAI OLEH SELURUH POLISI

Polisi ini tidak melindungi:

1. Pencemaran Radioaktif

Sebarang belanja, kerugian berturut, liabiliti undang-undang atau sebarang kehilangan atau kerosakan kepada harta yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang disumbangkan oleh

- a. pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa sisa bahan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear
- b. radioaktif, toksid, letupan atau lain-lain harta dari mana-mana pemasangan nuklear yang berbahaya atau lain-lain pemasangan komponen nuklear seumpamanya.

2. Risiko Perang

Sebarang akibat dari perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) kekecohan awam yang menghampiri atau mencecah tahap kebangkitan awam, perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan atau kuasa tentera atau rampasan kuasa.

3. Tindakan Penguatkuasa

Kehilangan atau kerosakan yang disebabkan daripada penyitaan, rampasan atau pengambilan oleh Kerajaan, mana-mana Pihak Berkuasa Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan atau alas arahan Pihak Berkuasa tersebut.

4. Gelombang Bunyi

Kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh gelombang tekanan daripada pesawat terbang atau peranti udara yang lain berkelajuan sonik atau supersonik.

5. Kerosakan Sedia ada

Sebarang kehilangan, kerosakan atau liabiliti yang berlaku sebelum perlindungan bermula.

Note: Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak secara, versi Bahasa Inggeris akan di gunapakai.